

AHMAD FAWZI TOKOH BERJASA

Naib Canselor

UUM

pengasas

PLKN

HM 24/5/05
14:1

Oleh Yusri Abdul
Malek dan Zainal
Zawawi Mohamad
am@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyifatkan kematian Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, 56, sebagai kehilangan besar kepada agama, bangsa dan negara.

Menurutnya, Allahyarham adalah seorang tokoh yang banyak berjasa bukan saja dalam bidang akademik tetapi juga ketenteraan kerana beliau adalah pegawai kanan kerajaan.

Najib antara orang kenamaan yang pertama tiba di Hospital Selayang untuk menziarahi jenazah Allahyarham.

Selepas tiba di hospital itu kira-kira jam 8.20 malam, beliau sempat meluangkan masa 20 minit bersama anggota keluarga Allahyarham.

Turut hadir menziarahi jenazah Allahyarham ialah



TAKZIAH...Najib dan Shafie (kanan) antara orang kenamaan yang pertama menziarahi jenazah Allahyarham Fawzi di Hospital Selayang.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Salleh dan bekas Menteri Pelajaran, Tan Sri Musa Mohamad.

Najib berkata, perjuangan Allahyarham begitu dikagumi sama ada dalam bidang akademik atau ketenteraan,

malah Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) adalah diasaskan Allahyarham.

"Allahyarham adalah pengasas PLKN malah menjadi pengerusinya. Kami amat merasai kehilangannya," katanya.

Mengenai sama ada pemergian Allahyarham akan menjejaskan program itu, Najib yang juga Menteri Pertahanan, berkata ia tidak akan menjejaskan program itu kerana modul dan asas latihan program itu sudah ada.

Tenang ketika menghembus nafas terakhir

HM 24/5/05 14:1

KUALA LUMPUR: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, 56, berada

dalam keadaan tenang ketika menghembuskan nafas terakhir di Unit Rawatan Jantung Hospital Selayang, dekat sini, petang semalam.

Allahyarham dikejarkan ke hospital itu pada jam 11 malam Jumaat lalu selepas mengadu sakit dada ketika berada di rumahnya di Rawang, Selangor.

Bagaimanapun, jam 5 pagi Sabtu, Allahyarham dimasukkan ke unit itu apabila keadaannya

bertambah kritikal.

Menurut adiknya, Shamsinah, 54, ketika menghembuskan nafas terakhir pada jam 4.51 petang, semua ahli keluarga, termasuk isteri dan tiga daripada empat anaknya berada di sisinya.

Katanya, anak sulung Allahyarham ketika itu dalam perjalanan ke hospital.

"Sebelum ini, arwah memang tidak berapa sihat selepas mengalami masalah jantung beberapa bulan lalu," katanya.

82